

Kitab Al-Tauhid

Sedikit penjelasan tentang isi “Kitab Al-Tauhid” yang Tuan Mufti Johor fatwakan supaya dibakar

Di dalam tahun 1937, saya terbitkan sebuah kitab Tauhid dengan bahasa Melayu huruf Rumi kemudian saya terbitkan dia dengan huruf Arab bahasa Melayu. Dua-dua itu dari Bandung.

Dalam tahun 1952 penerbit “Qalam” dengan izin saya, telah cetak kembali naskah huruf Arab itu di Singapura dengan huruf timah yang indah.

Setelah terbit kitab tersebut, Tuan Mufti Johor siarkan satu fatwa mengharamkan membacanya, menyimpannya, menjualnya, dan mewajibkan membakarnya.

Alasan bagi fatwa itu kononnya, ialah tulisan saya “Di Kitab Al-Tauhid”, muka 53 dan 54 yang bunyinya:

“Perkara-perkara yang syirik, dan yang membawa kepada syirik dan kufur itu ialah seperti.....

(6) Menerima keputusan guru-guru dan ulama-ulama di dalam urusan agama dengan tidak disertakan dalil Quran atau hadis.”

Dengan ini saya menetapkan dan meneguhkan bahawa menerima keputusan guru-guru dan ulama-ulama di dalam urusan agama dengan tidak berdalil dari Quran atau hadis itu adalah perkara syirik. Perkara yang membawa kepada syirik, atau perkara yang membawa kepada kufur.

Dalil bagi tulisan saya itu ialah firman Allah:

Atakhadhdhū aḥbārahū waruḥbānahū arbābā min dun allāh
(31, al-Taubah).

Ertinya: Mereka jadikan ketua-ketua agama mereka dan pendita-pendita mereka sebagai Tuhan-tuhan selain Allah, yakni orang-orang Nasari dan Yahudi anggap ketua-ketua agama mereka sebagai Tuhan-tuhan.

Waktu turun ayat tersebut seorang Nasrani bernama

‘Adi bin Ḥaṭīm berkata kepada Rasulullah: “Kami tidak pernah jadikan ketua-ketua agama kami sebagai Tuhan-tuhan”

Sabda Rasulullah: “Bukankah kamu terima sahaja apa-apa yang dihalalkan dan yang diharamkan oleh ketua-ketua agama kamu?”

Ia jawab: “Betul kami terima”

Sabda Rasulullah: “Itulah erti kamu menjadikan mereka sebagai Tuhan-tuhan”

Perhatikanlah wahai pembaca!

Orang yang menerima hukum dari ketua-ketua agama di dalam Bani Israil dengan tidak beralasan firman Allah itu Tuhan katakan musyrik dengan terang dan tegas.

Jika ulama kita halalkan, haramkan atau sunatkan itu dan ini dengan tidak beralasan firman Allah atau sabda Rasul, tidakkah sama dengan Bani Israil itu? Apakah hal tersebut terlarang bagi Bani Israil sahaja, tidak bagi kita? Apakah ulama Islam boleh menghalalkan dan mengharamkan dengan tiada berdalil firman Allah atau sabda Rasul? Fikirkanlah dengan sungguh-sungguh!

Ketahuilah wahai pembaca! Bahawa di dalam agama Islam tidak ada siapa pun berhak menghalalkan dan mengharamkan lain-lainnya akan sesuatu melainkan Allah dan RasulNya. Sedang Allah telah berfirman dengan firmanNya yang akhir dan NabiNya telah sampaikan kepada kita: *al-yawm akmalu lakum dīnakum*.

Ertinya: Pada ini hari aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu.

Maka apa-apa yang tidak jadi agama di masa Rasulullah masih hidup, tidaklah jadi agama sesudah Rasulullah wafat.

Ulama Islam mengakui kekufuran seseorang yang mengsunahkan sesuatu yang bukan sunnah. Mengharamkan sesuatu

yang bukan haram dan sebagainya. Walaupun demikian terdapat

juga di antara ulama Islam orang yang:

1- Mengsanadkan telafaz asli. Membaca *Ma'āshir Al-Muslimin* dan lain-lainnya, pada hal Allah dan Rasul-Nya tidak sanatkan.

2- Mengsanadkan talqin, tahlil, haula dan sejenisnya, pada hal Allah dan Rasul-Nya yang berhak memberi hukum tidak tahu menahu,

3- Mengharamkan makan binatang yang hidup di dua tempat: di laut dan di darat (*hay fī al-Dārayn*). Sedang Allah dan Rasul yang punya agama tidak syariatkan apa-apa.

4- Menghukumkan air yang sedikit jadi mustaqmal. Apabila orang yang berwuduk dengan mencelupkan umpama tangan padanya pada hal Allah tidak katakan apa ditentang ini, sedang Rasul Allah sendiri pernah berwuduk di dalam satu bijan berebutan-rebutan dengan isterinya.

5- Membolehkan dan menyuruh orang bertaklid di dalam urusan agama pada hal Allah, Rasul-Nya, sahabat-sahabat tabi'in, imam-imam mujtahidin mengharamkan manusia bertaklid. Larangan bertaklid itu bukan dengan samar-samar bahkan dengan tegas dan terang-terang dan dengan ibarat yang tidak dapat ditakwil atau diputar belit ertinya melainkan oleh orang yang berniaga agama.

Perkara-perkara tersebut dan ratusan lagi hal-hal yang dikatakan dari agama – pada hal Maha Suci agama Allah daripada campuran tangan manusia-tetap ada di dalam kitab-kitab yang sedang dipakai oleh Muslimin dengan bebas.

Semua itu tidak dapat angkara mereka fatwa Tuan Mufti, tetapi kasihan "*Kitab Al-Tauhid*" yang berdasar kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya dapat semburan laknat dari Tuan Mufti!

Perlu diketahui juga bahawa sebagaimana api yang hendak membakar Nabi Ibrahim terbalik jadi sejuk, dingin dan selamat baginya, maka api fatwa Tuan Mufti sedang menjadi rahmat bagi penerbit-penerbitnya. Alhamdulillah 'alā kulli hāl.

Hasan bin Ahmad

Singapura, 25 Mei 1953.

(sambungan dari muka 4)

seruan yang dibawa oleh pertubuhan Islam Selangor itu adalah menjadi suatu peringatan yang sangat mustahak kepada tiap-tiap orang Islam di negeri kita ini, Kita hendaklah insaf bahawa dengan adanya undang-undang perlembagaan negeri yang nanti akan berjalan kuatkuasanya dengan cara pilihan umum itu akan tetap merugikan kita kalau kita tidak bekerja di dalamnya oleh sebab segala perkara yang akan diperundang-undangkan itu hendaklah dipersetujui oleh majlis mesyuarat dan kalau kita tidak bersatu dan bersedialah yang demikian itu akan kita dapati? Insaflah!

Allāhu Akbar! Mudah mudahan di dalam hari yang berbahagia ini di dalam kita bersatu mengucapkan takbir ke hadrat Allāh maka untuk memulia dan meninggikan agama Allāh, untuk menunjukkan bahawa agama Allāh itu membawa kemanan dan kesejahteraan serta kebahagiaan kemudiannya amin.

Sheikh 'Abd al-Rahmān

Muhammad Shiblī

Sarawak di Makkah

Nombor 188

SYEIKH MEKAH

Telegram Shiblī Makkah

Sedia menyambut dan menjaga saudara-saudara segala urusan di Makkah, di Madinah, di Arafah dan di Mina dengan sepenuh-penuh puas hati. Tambang dan apa-apa perbelanjaan menurut sentiasa memlihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian yang mengunjungi Tanah Suci yang sedia teratur perhubungan secara modern dengan belanja yang murah.

Bersyeikhlah dengan Syeikh Shiblī
yang berdekatan dengan Masjid al-Harām

